

Apa Yang Perlu Anda Lakukan?

JIMATKAN AIR

Pola penggunaan air di negara kita semakin hari kian meningkat. Dianggarkan bahawa penggunaan air mencapai 300 liter per kapita sehari di kawasan luar bandar dan 500 liter per kapita sehari di bandar. Pada tahun 2000 terdapat 3.75 bilion orang di 80 negara yang menerima bekalan air kurang daripada 50 atau 20 liter sehari.

KAWAL PENCEMARAN PUNCA AIR

Sungai merupakan satu daripada sumber bekalan air di negara kita. Terdapat 76 batang sungai, iaitu 22 batang diklasifikasikan sebagai tercemar, 44 dikategorikan sebagai sedikit tercemar dan hanya 10 batang sungai yang bersih. Sungai bukanlah tempat membuang tilam atau perabot lama. Peliharalah sungai kita.

AMALKAN PENGGUNAAN SEMULA AIR

Negara kita merupakan salah sebuah negara yang kaya dengan sumber hujan. Kita menerima kira-kira 3000 mm sehari. Amalan menggunakan air tadahan hujan (*rain water harvesting*) merupakan satu tabiat yang perlu dipupuk di kalangan rakyat negara kita.

MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM DEBAT AIR

Rakyat perlu memainkan peranan penting dalam isu air iaitu dengan mengambil bahagian dan menyertai gerakan-gerakan membantah penswastan seperti yang berlaku di negara lain. Rakyat dan Pengguna mempunyai kuasa yang tertinggi dalam menentukan sama ada penswastan bekalan air harus atau tidak harus diteruskan.



Gabungan Persatuan-Persatuan
Pengguna-Pengguna
Malaysia (FOMCA)

No. 1D-1, Bangunan SKPPK, Jalan SS9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-7876 2009, 7875 6370/62 Fax: 03-7877 1076
E-mail: fomca@fomca.org.my
Website: www.fomca.org.my



PERSATUAN PENDIDIKAN
DAN PENYELIDIKAN
UNTUK PENGGUNA, MALAYSIA

24, Jalan SS1/22A, 47300 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: (6) 03-78764648, 78760520, 78774741
Fax: (6) 03-78730636
Email : eracons@po.jaring.my
Website : www.eraconsumer.org



Gabungan Persatuan-Persatuan
Pengguna-Pengguna
Malaysia (FOMCA)



PERSATUAN PENDIDIKAN
DAN PENYELIDIKAN
UNTUK PENGGUNA, MALAYSIA

10 Keburukan Akibat Penswastan Air

1. KENAIKAN TARIF

Mengakibatkan kenaikan tarif kerana syarikat swasta yang diberi konsesi lebih cenderung mengaut keuntungan dan ini mengakibatkan golongan yang kurang kemampuan akan menjadi mangsa kehilangan subsidi kerajaan serta tidak akan menikmati kemudahan air.

2. KUALITI AIR MEROSOT

Penswastan akan menjejaskan kualiti air kerana syarikat swasta akan lebih mengutamakan keuntungan dan akan wujud keadaan yang kepentingan alam sekitar atau kepentingan kualiti akan diketepikan.

3. KETIDAKPRIHATINAN TERHADAP KEPENTINGAN PENGGUNA

Syarikat swasta lebih mengutamakan pemegang saham syarikat dan bukannya pengguna, sedangkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan merupakan asas bagi kehidupan. Pengguna tidak mempunyai pilihan lain untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

4. PENINGKATAN GEJALA RASUAH

Penswastan akan mendorong gejala rasuah jika unsur-unsur "pertanggungjawaban" dan "ketelusan" tidak diamalkan. Syarikat swasta akan mula membuat rundingan di sebalik tabir yang akhirnya akan memudaratkan semua pihak.

Kegagalan Penswastaan Air di Negara-negara Jiran

MANILA, FILIPINA

Penswastaan perkhidmatan bekalan air yang terawal di Asia ialah penswastaan Subic Freeport pada tahun 1996 dan penswastaan perkhidmatan bekalan air yang terbesar di dunia ialah penswastaan Manila's Metropolitan Waterworks and Sewerage System (MWSS) di Manila pada tahun 1997. Kadar tarif selepas penswastaan telah meningkat 400% dari tahun 1997 ke 2003. Akibat daripada kegagalan dan kerugian Maynilad telah menyekat pembayaran konsesi kerajaan sejak Mac 2001 yang sehingga Disember 2004 telah terkumpul sebanyak PHP 8 bilion. Ini juga telah memberi kesan buruk kerana Perbadanan Air tempatan juga mengalami kerugian serta terpaksa menambah penerimaan hutang yang mencatat jumlah US\$ 240 juta sehingga akhir tahun 2003. Pada bulan **Disember 2002**, **syarikat ini telah memutuskan untuk membatalkan perjanjian konsesi 25 tahun** ini dengan dakwaan bahawa kerajaan gagal memenuhi terma perjanjian konsesi yang ditandatangani.

JAKARTA, INDONESIA

Bandar Jakarta telah lama merasai kegagalan penswastaan. Pada tahun 1998, berdasarkan model bandar Manila, Syarikat Bekalan Air Jakarta (Pam Jaya) menandatangani kontrak 25 tahun dengan syarikat PT Pam Lyonnaise Jaya (Palyja) dan PT Thames Pam Jaya (TPJ). Pada tahun 2003 Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank ADB), telah merekodkan bahawa penyerahan perkhidmatan air kepada syarikat swasta gagal memperbaiki pelaburan dalam tempoh 7 tahun penswastaan. Malahan penduduk Jakarta sentiasa mengadu kerana bekalan air yang diterima berkualiti rendah dan sering terganggu. Tambahan pula, walaupun tiada sebarang pembaikan perkhidmatan dilakukan, namun tarif air dinaikkan secara senyap sebanyak 30% pada Januari 2004. Tarif air telah meningkat tiga kali ganda dalam tempoh ini iaitu, 15% pada Februari 1998, 35% pada April 2001 dan 40% pada April 2003. Parlimen Indonesia telah meluluskan Akta Sumber Air pada Februari 2004 tetapi akta ini menerima tentangan daripada rakyat tempatan yang merasakan bahawa pengurusan bekalan air merupakan tanggungjawab kerajaan dan tidak patut dikendalikan oleh pihak swasta.

COCHAMBA, BOLIVIA

Pada 1999, bekalan air di Cochamba Bolivia diswastakan kepada syarikat Aguas del Tunari, anak syarikat kepada syarikat multinasional Bechtel dengan konsesi selama 40 tahun. Pada bulan Oktober 1999, Undang-undang Air Minuman dan Sanitasi diluluskan, yang membolehkan pengendalian bekalan air diserahkan kepada syarikat swasta. Rakyat yang prihatin terhadap perkara ini telah menghasilkan satu Deklarasi Cochamba dan menubuhkan jawatankuasa bagi menentang penswastaan serta menuntut hak universal untuk bekalan air. Pada April 2000, seramai 30,000 orang pengguna telah membantah kadar tarif tersebut dengan mengadakan kempen. Pertempuran antara penduduk dengan pihak berkuasa telah berlaku dan mengakibatkan kecederaan kepada 175 orang, dua orang remaja hilang penglihatan dan seorang mati. Akhirnya, kerajaan membatalkan penswastaan dengan syarikat Bechtel. Bagaimanapun syarikat Bechtel telah menyaman kerajaan Bolivia sebanyak \$25 juta sebagai pampasan akibat kerugian yang ditanggung oleh syarikat itu.

5. MENGURANGKAN BIDANG KUASA KERAJAAN

Penswastaan akan mengurangkan bidang kuasa kerajaan tempatan dan air tidak akan diiktiraf sebagai hak asasi manusia serta kepentingan semua rakyat memperoleh hak perkhidmatan bekalan air akan dimansuhkan.

6. KOS TAMBAHAN DIALIHKAN KEPADA PENGGUNA

Tanggapan bahawa apabila perkhidmatan air diswastakan, beban kerajaan akan berkurangan kerana kos perkhidmatan ditanggung oleh syarikat swasta adalah satu tanggapan yang salah. Ini kerana pada akhirnya nanti syarikat swasta ini akan mengalihkan kos tambahan itu kepada pengguna.

7. DOMINASI SYARIKAT SWASTA

Kajian kes telah menunjukkan contoh-contoh yang kukuh bahawa penswastaan akan mendorong pengurangan kos untuk menambah keuntungan yang akan mengakibatkan pengurangan tenaga pekerja. Langkah ini telah membuktikan bahawa syarikat swasta tidak mengamalkan tanggungjawab sosial apatah lagi membantu pengguna.

8. PENSWASTAAN SUKAR DIBATALKAN

Penswastaan adalah satu langkah yang boleh dikatakan sebagai penting dan muktamad. Apabila sesuatu konsesi ditandatangani, ia adalah sukar untuk dibatalkan serta proses pembatalan konsesi juga akan melibatkan kos yang tinggi.

9. HALANGAN KEPADA MATLAMAT PEMBANGUNAN MILENIUM

Penswastaan akan menyebabkan perkhidmatan bekalan air tidak sampai kepada golongan kurang upaya dan miskin. Keadaan ini akan menjadi halangan utama bagi mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (MDG).

10. MENGGALAKKAN PENGEKSORTAN AIR SECARA PUKAL

Penswastaan akan memberi laluan kepada pengeksportan air secara pukal. Contohnya, Malaysia merupakan negara yang kaya dengan sumber air. Oleh itu, penswastaan sumber dan bekalan air akan membuka peluang kepada syarikat swasta untuk menjual air kepada negara seperti Singapura yang kekurangan sumber air pada harga yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun keuntungan yang diterima adalah milik syarikat tersebut dan tidak memberi manfaat kerajaan mahupun pengguna.

